

15/07/2002

Rakyat boleh nilai sikap sebenar pemimpin Pas

PASIR MAS, Ahad - Kerajaan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) menyerahkan kepada rakyat untuk menilai dan mengetahui sikap sebenar pemimpin Pas yang memaki hamun kerajaan.

Pada masa sama, Adalah menjadi tanggungjawab RTM kepada agama untuk membentuk umat Islam yang baik menerusi penilaian terhadap kenyataan pemimpin parti seperti itu yang mendakwa berjuang atas nama Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata Pas sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan membenarkan RTM menyiarkan kenyataan Mohamad Sabu yang memaki hamun pemimpin negara.

Katanya, sebelum ini RTM sebagai media kerajaan tidak pernah memberi ruang kepada pembangkang terutama kenyataan yang mengutuk dan memburukkan kerajaan.

"Sekarang RTM siarkan kenyataan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan), Mahfuz Omar (Ketua Pemuda Pas Pusat), Allahyarham Datuk Fadzil Noor.

"Mana ada media kerajaan seperti RTM boleh siarkan orang (Mohamad Sabu) boleh maki kerajaan dan pemimpin tiap-tiap malam kata Mahathir (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) gila. Kita siarkan.

"Inilah tanggungjawab RTM kepada agama untuk membentuk umat Islam yang baik, tidak maki orang, anak muda mengenal diri dan amanah serta kenal mana elok dan tak elok. Itu saja.

"Kalau tidak orang akan ingat sampai bila pun maki tak apa," katanya selepas majlis penyerahan komputer kepada Kumpulan Penonton, Pendengar dan Pembaca (K3P) Kampung Slow Machang dan Sri Bayu, di sini, hari ini.

Mengenai Nik Abdul Aziz membela Mat Sabu yang menghina Perdana Menteri, Zainuddin berkata, Mursyidul Am Pas itu mengelirukan kedudukannya antara seorang yang dikatakan ulama dan ahli politik.